

Alat kebesaran Datuk Kelana Putra hilang

26.8.87

SEREMBAN, Selasa — Beberapa alat kebesaran Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) dikatakan hilang berikutan dua kejadian 'merampas' Balai Undang Luak Sungai Ujong di sini tahun lalu dan baru-baru ini.

Anak-anak Waris dan ibu-ibu soko yang tidak terabit di dalam dua kejadian itu hari ini mendakwa beberapa alat kebesaran didapati telah hilang dari balai berkenaan.

Jurucakap mereka berkata antara alat kebesaran itu termasuk 'Changgai Puteri' yang dikurniakan oleh Yang Dipertuan Besar pertama Almarhum Yam Tuan Tuanku Melewar kepada Undang pertama, Allahyarham Datuk Kelana Badar Datuk Penghulu Chantik.

"Selain itu, sebilah keris pendek yang dikenali sebagai 'Keris Panglima Mamat' juga dikatakan hilang. Ini adalah antara beberapa alat kebesaran yang penting terutama untuk kegunaan semasa diadakan istiadat perlantikan serta istia-

Oleh BUSTAMAM AHMAD

dat kerja Datuk Kelana.

"Di samping alat-alat kebesaran itu, turut dikatakan hilang ialah beberapa dokumen penting termasuk Terombo Asal Luak Sungai Ujong serta surat-surat perlantikan beberapa Undang yang lalu," kata jurucakap itu dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Dakwa

Beliau berkata pihaknya juga mendakwa beberapa alat perkakas sumbangan Kerajaan Negeri Sembilan kepada Balai Undang Luak Sungai Ujong termasuk pinggan mangkuk turut dikatakan hilang.

Sehubungan ini, beliau menjelaskan pihaknya menggesa Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan supaya segera menjalankan siasatan rapi terhadap perkara itu dan menasihatkan mereka yang terabit supaya memulangkan semula alat-alat kebesaran itu jika dak-

waan berkenaan didapati benar.

"Kami telah pun menghantar surat mengenai perkara itu kepada Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri, Haji Abdul Hamid Lassim serta pihak berkuasa lain termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan menggesa mereka supaya diadakan siasatan segera," jelasnya.

Sekumpulan anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir 'merampas' Balai Undang Luak Sungai Ujong di sini pada Mac tahun lalu.

Dalam kejadian kedua, seorang anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun, Enclik Samsir Haji Sulaiman dan beberapa orang pengikutnya 'menawan' balai berkenaan pada 13 Ogos lalu.

Pihak berkuasa kini bertindak mengunci balai berkenaan, yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sembilan, bagi mengelakkan daripada berulangnya sebarang kejadian yang tidak diingini di masa depan.